**SKIM PERKHIDMATAN**
**PEGAWAI UNDANG-UNDANG**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | : | **PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | : | **L41, L44, L48, L52, L54** |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | **1 JULAI 2016** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00); atau

(ii) lulus Peperiksaan Akhir Peguam (Bar Final Examination).

(Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Undang-undang atau Jurubahasa Gred LA29/30, LA32, LA38, LA40 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Undang-undang Gred L41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred L41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

| | | |
|---|---|---|
| **PROGRAM TRANSFORMASI MINDA** | 7. | Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan. |
| **PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** | 8. | Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:<br>(a) memenuhi tempoh percubaan;<br>(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan<br>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN** | 9. | Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan. |
| **KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI** | 10. | Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat. |
| **KENAIKAN PANGKAT KE GRED L44** | 11. | Pegawai Undang-undang Gred L41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Undang-undang Gred L44 yang kosong apabila telah:<br>(a) disahkan dalam perkhidmatan;<br>(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;<br>(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan<br>(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| **KENAIKAN PANGKAT KE GRED L48** | 12. | Pegawai Undang-undang Gred L44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Undang-undang Gred L48 yang kosong apabila telah:<br>(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;<br>(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan<br>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| **KENAIKAN PANGKAT KE GRED L52** | 13. | Pegawai Undang-undang Gred L48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Undang-undang Gred L52 yang kosong apabila telah:<br>(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;<br>(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan<br>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| **KENAIKAN PANGKAT KE GRED L54** | 14. | Pegawai Undang-undang Gred L52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Undang-undang Gred L54 yang kosong apabila telah:<br>(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;<br>(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan<br>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| **KENAIKAN PANGKAT KE KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI** | 15. | Pegawai Undang-undang Gred L54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi. |

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Undang-undang yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).